

PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DIBANDAR IPOH DALAM  
KONTEK DASAR EKONOMI BARU

Oleh

KALSOM BT. YOP MOHD. ~~KASIM~~

Satu Tesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan

DIPLOMA LANJUTAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi MARA  
SHAH ALAM

April 1985

ABSTRAK

Ipoh dijangka akan meneruskan fungsi sebagai bandar utama di Perak. Pada tahun 1980, penduduk Ipoh adalah merupakan 19.56% daripada keseluruhan penduduk negeri dan peratus ini akan meningkat keangka 27% pada tahun 2000. Jumlah penduduk Ipoh adalah seramai 344,627 orang pada tahun 1980; dan dijangka akan meningkat pada 600,000 orang hingga tahun 2000. Dari jumlah ini kaum Bumiputera terdiri dari 17% (58,586 orang) sahaja; manakala kaum China sebanyak 70% (241,239 orang) dan India seramai 12.5%.

Dalam kontek pembangunan perindustrian dan penglibatan kaum, kaum China menguasai peratus terbesar dari segi pekerjaan iaitu 77.8% dan Bumiputera hanya 16.0% sahaja. Ini berlaku sebab kebanyakan dari industri perkilangan terletak didalam bandar dimana peratusan penduduk China adalah paling tinggi. Dari segi hak milik pula, menurut laporan MIDA, diantara tahun 1968 - 1981, hanya 44 dari 498 industri yang telah diluluskan atau 9% sahaja dimiliki oleh kaum Bumiputera. Kebanyakan daripadanya adalah industri sumber pertanian, terutama industri memproses makanan. Di Ipoh, (daripada kajian Pelan Struktur Ipoh 1982) hanya 7 buah industri sahaja yang dimiliki oleh Bumiputera berbanding dengan 712 buah yang dimiliki oleh kaum-kaum lain. Dari data-data yang telah diperturunkan diatas, jelaslah

bahawa kaum Bumiputera di Ipoh masih tertinggal jauh dalam usaha mencapai DEB yang telah sekian lama dilaung-laung oleh Kerajaan. Oleh itu satu kajian yang terperinci yang menyentuh tentang pembangunan perindustrian di Ipoh dalam rangka DEB perlu dilakukan agar keadaan yang sedang berlaku ini tidak berlarutan.

Dari kajian awal, pengkaji telah mendapati bahawa perkembangan ekonomi negeri Perak, diawal tahun-tahun 1960 an dan tahun sebelumnya adalah dipengaruhi oleh perkembangan sektor perlombongan dan sektor pertanian. Walau bagaimanapun industri melombong bijih timah yang sekian lama menjadi tulang belakang ekonomi negeri telah mengalami kemerosotan disebabkan oleh kejatuhan harga dipasaran dunia. Sektor industri pembuatan di negeri Perak berasal sebagai industri sokongan kepada sektor perlombongan. Sektor ini berkembang secara beransur-ansur kemudiannya kearah pengeluaran barang-barang makanan, barang-barang tekstil dan pakaian, barang-barang plastik, letrik perabot-perabot dan lain-lain selaras dengan perkembangan ekonomi yang semakin maju dan peningkatan jumlah penduduk yang makin tinggi.

Isu-isu yang telah dikenalpasti dalam kajian awal ialah :-

- o Perubahan polisi Negeri daripada amalan polisi 'decentralisasi'

kepada polisi pemusatan yang mana semua industri pada peringkat Negeri perlu dilokasikan dikawasan Lembah Kinta.

- o Peringkat penyertaan Bumiputera di Ipoh dalam sektor pembuatan samada dari segi pekerjaan maupun dari segi ekuiti hak milik adalah ditaraf yang paling rendah iaitu 5% dan angka ini amat memeranjatkan kerana terlalu jauh untuk mencapai 30% dalam sektor ini sehingga tahun 1990.
  
- o Halangan kepada proses didalam melaksanakan polisi, dasar, dan pemberian insentif didalam sektor perindustrian ialah kurangnya kekesanan perjalanan jentera kerajaan negeri. Masalah koodinasi birokrasi, pelepasan tugas dan lain-lain adalah antara yang biasa.
  
- o Dijangkakan bahawa perubahan polisi pemusatan akan membawa 'influx' industri ke Ipoh dan ini akan memberi implikasi kepada strategi penggunaan tanah bandar Ipoh. Kekurangan ruang dan khidmatan, pemilikan tempat perletakan yang optima dan juga kesan-kesan alam sekitar adalah dijangkakan melibatkan perubahan fizikal bandar Ipoh. Satu kajian nilaian semula adalah diperlukan untuk menempatkan industri yang akan datang selaras dengan strategi Pelan Struktur Bandar supaya satu penyesuaian dapat dicapai.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Abstrak	i
Penghargaan	x
Isi Kandungan	xiii
Senarai Jadual	xix
Senarai Rajah	xxi
Senarai Pelan	xxiii
Senarai Lampiran	xxiv

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Perkembangan Industri di Perak	4
1.3 Perkembangan Perindustrian di Bandar Ipoh	6
1.4 Polisi Penyebaran Industri Secara Amnya	10
1.5 Masalah dan Isu Perindustrian Di Perak Berhubung dengan Keadaan di Lembah Kinta.	12
1.6 Hipotesis	16
1.6.1 Hipotesis Am	16
1.6.2 Hipotesis Kerja	16
1.7 Matlamat Dan Objektif	
1.7.1 Matlamat	17
1.7.2 Objektif	17
1.8 Bidang Kajian	18
1.9 Metodologi	21
1.9.1 Kajian Awal	21
1.9.2 Kajian Ilmiah	22
1.9.3 Polisi Kerajaan Negeri Dalam Pembangunan Perindustrian.	22